

Bumiputera perlu terus miliki saham

01 OCT 1990

Oleh **MANJA ISMAIL**
dan **HAJI JAMUDIN IDRIS**

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mahu individu Bumiputera terus memegang saham yang diperuntukkan oleh syarikat milik kerajaan kepada mereka dan menganggapnya sebagai pelaburan jangka panjang.

Menurut Perdana Menteri, selagi sikap mengaut keuntungan jangka pendek dengan menjual segera saham terus diamalkan oleh Bumiputera, matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai 30 peratus penguasaan dalam bidang korporat tidak mungkin tercapai walaupun 1,000 tahun lagi.

Sehubungan itu, tegasnya, masyarakat Bumiputera perlu memainkan fungsi mereka secara lebih berkesan. Kerajaan sudah menolong mereka dan sekarang mereka perlu menolong diri sendiri untuk mencapai matlamat itu.

"Apabila kita memperuntukkan sebahagian saham Bumiputera kepada institusi, individu Bumiputera merungut kenapa badan berkenaan mendapat jumlah saham yang besar.

"Malah, sebahagian besar mereka mahu saham yang dimiliki oleh institusi Bumiputera diberikan kepada mereka. Tetapi apakah jaminan bahawa saham itu tidak dijual dengan segera," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penjaja dan Peniaga Kecil Terengganu di Kuala Terengganu hari ini.

Mengenai penggubalan dasar ekonomi negara selepas 1990, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan masih menunggu laporan akhir Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen).

Menurutnya, kerajaan tidak akan menerima semua laporan mereka kerana Mapen gagal mencapai kata sepakat dalam rundingan itu berikutan tindakan beberapa pihak, termasuk DAP dan sekumpulan pendidik Cina keluar daripadanya.

Bagaimanapun, beliau menolak dakwaan kononnya kerajaan membuat keputusan mengenai dasar ekonomi selepas 1990 itu dahulu tanpa

mengambil kira cadangan Mapen.

"Siapakah yang membuat keputusan lebih awal... DAP dan kumpulan pendidik Cina yang keluar daripada Mapen menyebabkan ia gagal mencapai kata sepakat. Mereka nampaknya lebih cenderung kepada politik dan tidak berminat menyelesaikan ekonomi negara," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, menjual saham untuk keuntungan jangka pendek di kalangan Bumiputera amat kerap dan sudah lama berlaku.

Sebagai contoh, katanya, seunit saham di pasaran terbuka ialah \$2 tetapi kerajaan menjualnya kepada individu dan syarikat Bumiputera pada harga \$1.

"Bagaimanapun, mereka lebih suka menjual pada harga \$1.80 daripada menunggu harga pasaran. Mereka untung 80 sen.

Bankrap

"Saya tidak kisah jika keuntungan itu digunakan untuk pelaburan atau modal membesarkan perniagaan. Tetapi selalunya mereka membelanjakan untuk kereta baru atau makan angin ke luar negara menyebabkan ada yang tidak mampu menjelaskan hutang bank sehingga diumumkan bankrap," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, sikap beraamanah amat penting bagi memastikan kejayaan sesuatu bidang perniagaan. Oleh itu, katanya, setiap pinjaman yang dibuat oleh peniaga Bumiputera sama ada daripada bank atau Mara perlu dijelaskan mengikut jadual.

Menurutnya, kegagalan membuat pembayaran balik hutang bukan sahaja merugikan institusi pemberi pinjaman, tetapi bangsa dan negara kerana wang yang dipinjamkan itu adalah milik rakyat.

Kemampuan Bumiputera membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bukan sahaja meningkatkan keyakinan bank terhadap mereka, malah mengukuhkan kepercayaan umum kepada bangsa Melayu, katanya.